

## KETAGIHAN PORNOGRAFI DALAM KALANGAN REMAJA: FAKTOR DAN IMPLIKASI TERHADAP SAHSIAH DIRI REMAJA

AMIRUL ASHRAAF NORMAN

*Universiti Teknologi Malaysia, UTM Kuala Lumpur, Malaysia*  
[ashraaf51@gmail.com](mailto:ashraaf51@gmail.com)

NOORAINI OTHMAN

*Universiti Teknologi Malaysia, UTM Kuala Lumpur, Malaysia*  
[p-nooraini@utm.my](mailto:p-nooraini@utm.my)

### ABSTRAK

Ketagihan pornografi merupakan satu perbuatan menonton atau melihat bahan pornografi secara melampau (kerap) dan susah untuk ditinggalkan oleh mereka yang terlibat. Ketagihan pornografi yang berlaku dalam kalangan rakyat di Malaysia tidak hanya melibatkan golongan dewasa tetapi turut melibatkan golongan bawah umur seperti remaja. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan faktor yang menyebabkan ketagihan pornografi dalam kalangan remaja pada hari ini yang mungkin didorong oleh perkembangan teknologi pada masa kini. Hasil dari analisa yang dibuat dari kajian terdahulu, kebanyakan penyelidik bersetuju teknologi merupakan faktor utama yang menyebabkan ketagihan pornografi dalam kalangan remaja pada hari ini. Namun, berdasarkan dapatan kajian yang ada, rata-rata penyelidik hanya memfokuskan internet sebagai satu-satunya teknologi yang menyebabkan ketagihan pornografi tanpa melihat pengaruh dari ciptaan moden (gadjet) dalam menyebabkan ketagihan pornografi dalam kalangan pelajar. Kesemua hasil kajian terdahulu juga mendapati pornografi hanya membawa implikasi negatif terhadap kehidupan dan kesihatan mereka yang terlibat. Oleh yang demikian, artikel ini dapat memberi maklumat dan pemahaman kepada masyarakat terutama golongan ibu bapa dan pelajar mengenai faktor teknologi dalam ketagihan pornografi dalam kalangan remaja serta implikasi negatif pornografi dalam kehidupan.

**Kata kunci:** Ketagihan; pornografi; teknologi; personaliti; remaja

## PORNOGRAPHY ADDICTION AMONG ADOLESCENTS: FACTORS AND IMPLICATIONS ON ADOLESCENT PERSONALITY

### ABSTRACT

Addiction to pornography is an act of watching or viewing pornographic material repeatedly which is difficult to dispel by those affected. Pornography addiction among Malaysians not only involves adults but also involves minors such as teenagers. This article aims to discuss the factors that contribute to pornography addiction among teenagers that may be driven by today's technological advances. As a result of analyses from previous studies, most researchers agree that technology is a leading factor in the prevalence of pornography among teenagers today. However, based on the findings of the study, the average researcher focused on the Internet as the only technology that has contributed to pornography addiction without looking at the influence of modern inventions (gadgets) in causing pornography addiction among students. Previous research show that pornography brings about negative implications on the lives and health of those involved. As such, this article provides information and insights for the public, especially parents and students, about the technological factors in adolescent pornography addiction and the negative implications of pornography in life.

**Keywords:** Addiction, pornography, technology, personality, teenagers

### PENGENALAN

Pornografi merupakan suatu perbuatan yang dianggap melanggar nilai moral seperti mendedah atau menunjukkan aurat secara keterlaluan sehingga mampu mendatangkan ghairah (menaikkan nafsu) kepada mereka yang melihatnya. Laili (2018), menjelaskan pornografi sebagai segala bentuk perbuatan atau tindakan yang mengandungi kelakuan seksual atau eksploitasi seksual yang melanggar norma moral dalam masyarakat atau perbuatan mendedahkan aurat secara keterlaluan atau melampau. Manakala, menurut Kementerian Kesihatan Malaysia istilah "*pornography*" berasal dari perkataan "*porneia*" iaitu perkataan Greek yang digunakan bagi merujuk pelacur dan istilah ini membawa makna penulisan tentang pelacur (Portal Rasmi MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia, 2012). Dapat difahami pornografi merupakan satu perbuatan yang tidak baik dan tidak diterima dalam kehidupan seharian kerana perbuatan tersebut tidak hanya dilarang dari sudut etika moral tetapi turut dilarang di sisi agama.

Didikan ibu bapa memainkan peranan yang sangat signifikan dalam membentuk peribadi mahu pun tingkah laku anak-anak. Hal ini, kerana setiap tindakan yang dilakukan oleh ibu bapa (positif atau negatif) dihadapan anak-anak merupakan satu bentuk didikan secara tidak langsung yang diberikan kepada anak-anak tanpa disedari oleh ibu bapa di mana anak-anak akan mudah mencontohi/meniru perbuatan yang dilakukan oleh orang tua mereka. Tingkah laku buruk yang dilakukan oleh ibu bapa dihadapan anak-anak sememangnya mampu memberikan kesan yang buruk terhadap pemikiran dan tingkah laku anak-anak. Hal ini, kerana ibu bapa yang sepatutnya menjadi contoh kepada anak-anak tidak menunjukkan keperibadian yang baik. Misalnya, sikap ibu bapa yang menggunakan kata-kata dan menunjukkan isyarat lucah ketika sedang marah mampu memberi kesan negatif terhadap tingkah laku anak-anak mereka sehingga akhirnya terjebak dengan tingkah laku pornografi yang semakin mempengaruhi remaja pada masa kini (Che Noh & Yusoff, 2011).

Sabda Rasulullah s.a.w. maksudnya, “*Setiap bayi yang dilahirkan adalah suci fitrahnya. Ibumalah yang menjadikan mereka Yahudi, Nasrani mahupun Majusi*” (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim). Berdasarkan hadis ini menjelaskan, setiap manusia yang lahir di dunia adalah bebas dari sebarang dosa serta sifat jahat dan menjadi tanggungjawab kepada setiap ibu bapa bagi mendidik anak-anak mereka agar jauh dari sifat yang keji dan dilarang dalam agama seperti terlibat dengan pornografi yang mana merupakan salah satu dosa besar dalam agama Islam kerana pornografi merupakan salah satu cabang atau perbuatan zina. Oleh itu, sebagai ibu bapa mereka seharusnya menunjukkan contoh akhlak yang baik kepada anak-anak seperti menggunakan tutur kata yang sopan, menunaikan kewajipan yang terdapat dalam agama seperti solat, membaca al-Quran, berpuasa, bersedekah dan pelbagai lagi. Hal ini, kerana seseorang lebih mudah mencontohi atau dipengaruhi melalui apa yang dilihatnya, terutama dari orang yang signifikan (Bandura, 1977).

### KAJIAN TERDAHULU

Terdapat beberapa kajian berkaitan ketagihan pornografi yang pernah dijalankan berkaitan penglibatan remaja dengan ketagihan pornografi. Antaranya, kajian yang dijalankan oleh Zakariah & Baharuddin (2011), bertajuk *Ketagihan Seks Siber: Pengalaman Kaunselor Di Malaysia*. Kajian ini membincangkan cabaran yang dihadapi kaunselor bagi membantu pesakit meninggalkan ketagihan seks siber/pornografi siber. Kajian ini dijalankan dalam bentuk kualitatif dan terdapat beberapa dapatan penting yang berjaya diperolehi oleh penyelidik seperti kesan seks siber, keperluan pengetahuan (memahami kes) dan pendekatan merawat ketagihan seks siber. Kajian ini juga memberi tumpuan terhadap pendekatan mengekalkan kepulihannya dari ketagihan seks siber bagi memastikan mereka yang terjebak dengan pornografi dapat berubah dengan akhlak yang lebih baik meninggalkan perbuatan tersebut buat selamanya. Hal ini, kerana pornografi hanya mendatangkan implikasi buruk dalam kehidupan, termasuklah dalam hubungan kekeluargaan.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Mass dan Dewey (2018), yang bertajuk *Internet Pornography Use Among Colligate Women: Gender Attitudes, Body Monitoring, and Sexual Behavior* menjelaskan pornografi internet merupakan satu bentuk penindasan kepada kaum perempuan, dimana pornografi secara tidak langsung mampu menjadikan wanita sebagai mangsa rogol dan alat seksual bagi kaum lelaki. Berdasarkan kajian yang dijalankan ini mendapati tiada jurang tingkah laku yang besar antara golongan perempuan yang menonton pornografi dengan yang tidak menonton pornografi. Namun, perempuan yang menonton pornografi di dapati lebih mudah terlibat dengan seks bebas dan juga bertukar pasangan. Selain itu, kajian ini juga menjelaskan pornografi turut memberi kesan positif kepada remaja terutamanya pengetahuan berkaitan dengan seks. Walaupun kajian ini sebuah kajian yang baik, tetapi kajian ini tidak sesuai diadaptasi dengan corak kehidupan, agama dan budaya masyarakat di Malaysia yang menganggap pornografi merupakan suatu perbuatan tidak bermoral dan hanya mampu mendatangkan keburukan dalam hidup seseorang dan juga masyarakat.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Vaillancourt & Bergeron (2018), yang bertajuk *Self- Perceived Problematic Pornography Use: Beyond Individual Differences and Religiosity* dijalankan bagi melihat kesan pornografi keatas diri seseorang yang melakukannya. Hasil kajian ini menunjukkan pornografi mampu menyebabkan ketagihan yang melampau keatas diri seseorang sehingga memberi kesan terhadap aspek kesihatan seperti menyebabkan kurangnya kawalan diri, kemandulan, hilang rasa hormat, seks berbahaya (kekerasan) dan pelbagai lagi. Penyelidik menjelaskan, pemahaman dan penghayatan agama merupakan kaedah terbaik bagi mengawal tingkah laku seksual yang dalam diri seseorang. Hal ini, penghayatan agama secara

langsung dapat meningkatkan nilai moral dalam diri seseorang bagi mengawal diri melakukan perbuatan yang merosakkan. Berdasarkan kajian ini jelas menunjukkan penghayatan agama merupakan kaedah terbaik bagi seseorang mengawal tingkah laku dalam diri, hal ini kerana tiada agama yang menyuruh penganutnya melakukan perbuatan yang tidak bermoral dan membawa keburukan dalam diri penganutnya.

### **KAEDAH KAJIAN**

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah perpustakaan. Berdasarkan kaedah ini, beberapa kajian terdahulu/lepas yang bersesuaian dipilih oleh penyelidik sebagai sumber rujukan bagi menyokong kajian yang dijalankan. Bagi memastikan hanya kajian yang bersesuaian sahaja yang digunakan, penyelidik melakukan penelitian terhadap tajuk kajian dan dapatan yang diperoleh oleh penyelidik terdahulu. Hal ini, bagi memastikan hanya kajian yang mempunyai kesahihan yang tinggi sahaja yang dirujuk dalam kajian ini. Antara maklumat yang diteliti dan diberi perhatian oleh penyelidik adalah maklumat pada bahagian faktor dan implikasi yang diterima akibat ketagihan pornografi kepada mereka yang terlibat sama ada implikasi yang diterima secara individu ataupun masyarakat. Hasil analisis yang dilakukan terhadap kajian-kajian terdahulu dapat memberi maklumat baru untuk kajian ini yang secara tidak langsung dapat meneruskan kelangsungan ilmu dan memberi maklumat berguna kepada pengkaji yang akan datang. Kajian-kajian terdahulu yang digunakan terdiri dari buku akademik, jurnal-jurnal ilmiah dan juga akhbar. Setiap sumber yang digunakan mempunyai kaitan dengan kajian yang dilakukan bagi memastikan data dalam sumber-sumber yang digunakan dapat diaplikasi atau digunakan dalam kajian ini yang mana meningkatkan kebolehpercayaan kajian ini.

### **FAKTOR KETAGIHAN PORNOGRAFI**

#### **Teknologi**

Perkembangan teknologi sangat penting kepada sesebuah negara kerana teknologi yang dimiliki oleh sesebuah negara melambangkan tahap kemajuan yang dimiliki. Tujuan sesuatu teknologi dicipta adalah untuk memudahkan urusan pekerjaan manusia supaya menjadi lebih pantas, cekap dan mudah. Namun, penggunaan teknologi yang tidak terkawal turut membawa implikasi negatif terhadap kehidupan manusia apabila digunakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan untuk tujuan yang salah seperti penipuan atas talian, penyebaran berita palsu, pengodaman dan penyebaran bahan pornografi. Jika penggunaan teknologi secara berlebihan dalam kalangan anak-anak tidak dibendung dengan baik mampu membawa kesan negatif terhadap kehidupan mereka. Misalnya, secara purata kanak-kanak di Malaysia di dapati menghabiskan masa antara tujuh hingga lapan jam sehari dengan teknologi seperti telefon bimbit, televisyen dan komputer (Nahar, *et. al.*, 2017). Perkembangan teknologi turut menyebabkan wujudnya dua golongan masyarakat iaitu antara masyarakat yang mampu memanfaatkan teknologi kearah kehidupan positif dengan masyarakat yang hanyut dengan kesan negatif yang dibawa teknologi (Sohana, 2016).

Implikasi negatif teknologi pada masa kini dapat dilihat dari segi tingkah laku kanak-kanak dan remaja yang mudah terpengaruh dengan apa yang dilihat terutamanya melalui rancangan-rancangan yang memaparkan unsur ganas dan tidak bermoral (lucah) sehingga menyebabkan jiwa mereka menjadi keras dan kasar yang akhirnya menyebabkan berlakunya masalah ketika berinteraksi dalam kehidupan kerana mereka tidak dapat membezakan antara

dunia realiti dengan dunia fantasi (Nahar, *et al.*, 2017). Tidak menghairankan apabila ramai remaja pada masa kini yang terjebak dengan ketagihan pornografi. Hal ini, kerana teknologi yang ada memudahkan mereka untuk berkongsi dan menyimpan video, gambar dan tulisan berbentuk pornografi tanpa dikesan oleh sesiapa terutamanya ibu bapa (Norramazonizni & Haninah, 2016). Malah, melalui penggunaan teknologi seperti telefon pintar telah memudahkan golongan remaja yang mengalami ketagihan pornografi melihat atau menonton video pornografi yang terdapat dalam koleksi simpanan dalam telefon pintar mereka pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Selain itu, melalui penggunaan teknologi seperti telefon bimbit telah memudahkan golongan remaja yang mengalami ketagihan pornografi menggunakan kemudahan yang ada dengan merakam aksi-aksi tidak senonoh (lucuh) sesama mereka seperti yang terdapat dalam video dan gambar pornografi. Malah, terdapat segelintir masyarakat yang menggunakan teknologi dengan merakam kelakuan mereka berpakaian seksi bagi mempromosikan sesuatu produk yang dijual ataupun bagi mendapatkan lebih ramai pengikut di media sosial (Kosmo, 2014). Jelaslah, penggunaan teknologi yang tidak terkawal mampu memberi kesan negatif terhadap kehidupan generasi muda kini apabila mereka mudah terjebak dengan ketagihan pornografi. Oleh itu, sebagai ibu bapa mereka seharusnya memantau aktiviti anak-anak mereka supaya tidak terpengaruh atau terjebak dengan perkara-kara yang sia-sia seperti pornografi kerana perbuatan tersebut memberi kesan negatif terhadap tingkah laku dan kesihatan anak-anak.

Misalnya, ibu bapa boleh menghadkan masa penggunaan teknologi seperti telefon pintar dan komputer terutama dalam kalangan anak-anak yang berusia 17 tahun ke bawah seperti menghadkan penggunaan selama 3 jam hingga 4 jam sehari. Mengawal penggunaan teknologi dalam kalangan anak-anak tidak hanya dapat mencegah remaja dari ketagihan pornografi tetapi turut mencegah anak-anak dari lalai menggunakan teknologi sehingga menggabaikan tanggungjawab mereka sebagai anak, pelajar dan umat Islam. Sebagai contoh, para ibu bapa boleh menetapkan waktu tertentu yang membenarkan anak-anak mereka menggunakan gajet. Hasil penelitian yang telah dibuat mendapati kaedah tidak hanya mampu mengawal penyalahgunaan teknologi dalam kalangan remaja seperti leka bermain game online, menonton pornografi dan sebagainya tetapi turut menjadikan seseorang remaja bijak menghargai masa dan menggunakan gajet dengan baik semasa tempoh yang dibenarkan dengan melayari perkara yang bermanfaat disamping dapat memberi kesihatan jasmani pada diri remaja dari mengalami implikasi kesihatan akibat penggunaan teknologi secara berlebihan (Agustina, *et al.*, 2019).

Selain itu, Omar & Latip (2016), dalam kajian mereka telah menjelaskan beberapa kaedah yang boleh digunakan oleh ibu bapa bagi mengawal penggunaan teknologi dalam kalangan anak-anak mereka. Antara kaedah yang telah dicadangkan adalah dengan menggalakkan anak-anak mereka untuk bermain diluar dengan membawa mereka melakukan aktiviti riadah dan juga sukan. Melalui aktiviti sukan mahupun riadah mampu melekakan anak-anak dari terus menggunakan teknologi di samping memberi moto perkembangan fizikal dan mental yang baik dalam diri mereka. Di samping itu, melalui kajian ini juga menjelaskan antara kaedah terbaik bagi menjawal penggunaan teknologi dalam kalangan remaja dari terlibat dengan pengaruh negatif ialah dengan memasang perisian *panel control* pada komputer bagi menghad atau menyekat laman sesawang yang mampu memberi pengaruh negatif kepada anak-anak seperti menyekat laman web permainan video, pornografi, rancangan yang berunsur keganasan dan sebagainya.

Jelaslah, selain dari anak-anak, golongan ibu bapa juga seharusnya melenkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan berkaitan teknologi terkini bagi memastikan mereka sentiasa peka dengan penggunaan teknologi yang dalam kalangan anak-anak mereka. Pengetahuan yang baik dalam kalangan ibu bapa terhadap teknologi terkini secara tidak langsung membolehkan mereka melakukan langkah pro aktif dan berkesan terhadap penggunaan teknologi dalam kalangan anak-anak seperti dengan menyekat laman-laman sesawang yang tidak berfaedah serta memeriksa laman-laman atau aplikasi yang digunakan oleh anak-anak mereka.

## **IMPLIKASI TERHADAP SAHSIAH DIRI REMAJA**

### **Hubungan Seks Pranikah**

Dalam ajaran agama Islam pronografi merupakan salah satu perbuatan yang dilarang keras kerana perbuatan ini merupakan salah satu perbuatan zina (zina mata). Hal ini, kerana pornografi mampu memberi ransangan yang kuat sehingga membangkitkan nafsu kepada mereka yang menonton untuk melakukan hubungan seks bagi meniru aksi yang terdapat dalam video pornografi. Misalnya, hasil kajian yang pernah dijalankan di Indonesia mendapati lebih 53% remaja yang ketagihan pornografi berakhir dengan perlakuan seks luar nikah bersama pasangan mereka yang mana kebanyakan mereka menyatakan pornografi menimbulkan minat dalam diri mereka untuk melakukan hubungan seks bagi mendapatkan kepuasan (Aprita & Yuni, 2015). Berdasarkan statistik yang dipaparkan jelas menunjukkan pornografi mampu menyebabkan seseorang terlibat dengan zina (seks tanpa ikatan perkahwinan) yang akhirnya membawa kesan merosakkan kepada diri individu dan masyarakat seperti kelahiran anak luar nikah dan jenayah seksual.

Selain itu, menurut statistik kajian yang dijalankan di Malaysia mendapati seawal usia 13 hingga 18 tahun, remaja di Malaysia telah mula terlibat dengan ketagihan pornografi sehingga menyebabkan mereka berkelakuan tidak sopan atau melampaui batas-batas pergaulan sosial tanpa nikah seperti berpegangan tangan antara lelaki dengan perempuan, bercium, meraba, mendedahkan tubuh di khalayak dan terjebak dengan hubungan seks (Ahmad, *et al.*, 2008; Salamatussaadah & Nor Ba'yah, 2009). Keadaan sedemikian berlaku disebabkan kebanyakan masyarakat terutamanya golongan muda dilihat kurang bijak dalam membuat keputusan disebabkan mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi dalam melakukan sesuatu yang baru (Abdullah & Saemah, 2015). Tidak menghairankan walaupun Malaysia dianggap sebagai sebuah negara Islam dan majoriti rakyat Malaysia juga adalah beragama Islam, tetapi jumlah kes pembuangan bayi dan kelahiran anak luar nikah dalam kalangan umat Islam di negara ini tetap berlaku yang secara tidak langsung mencemarkan imej agama Islam yang disebabkan umat Islam itu sendiri.

Menurut statistik yang dikeluarkan Jabatan Pendaftaran Negara pada tahun 2017 mendapati, seramai 4992 bayi luar nikah telah dilahirkan oleh remaja perempuan berusia 18 tahun ke bawah dan dari jumlah tersebut pula sebanyak 120 kes pembuangan bayi dilaporkan dan hasil kajian yang dijalankan mendapati 22% pelajar yang melahirkan anak luar nikah mengaku tindakan mereka dipengaruhi oleh tontonan pornografi (Mstar, 2018). Berdasarkan statistik tersebut mendapati remaja yang terjebak dengan seks pranikah didapati pernah menonton video pornografi bersama pasangan sehingga akhirnya mereka turut terlibat dengan perbuatan yang tidak bermoral ini. Selain itu, remaja yang mengalami ketagihan pornografi juga didapati tidak melaksanakan ibadah dengan baik serta tidak mempunyai peganggang agama yang kukuh sehingga menyebabkan mereka mudah dipengaruhi dengan perlakuan yang

tidak bermoral (Salamatussaadah & Nor Ba'yah, 2009; Siti Marziah & Nur Afifah, 2017). Situasi yang berlaku sememangnya bertentangan dengan nilai agama, adat dan budaya masyarakat di Malaysia secara keseluruhan yang melarang seks sebelum berkahwin kerana mencemarkan maruah dan merosakkan institusi kekeluargaan. Namun, ekoran perbezaan zaman yang berlaku kini terdapat sesetengah kelompok yang kononnya memperjuangkan hak asasi manusia seperti yang diperjuangkan oleh masyarakat di negara barat telah menyokong budaya pergaulan bebas, penzinaan kerana dianggap sebagai hak peribadi individu yang harus dihormati sedangkan perbuatan tersebut merupakan propaganda negara barat bagi merosakkan pemikiran masyarakat di seluruh dunia secara amnya (Wan Abdul Khadir, 2005).

Jelaslah, ketagihan pornografi sememangnya tidak boleh diambil mudah kerana memberi kesan yang buruk terhadap sahsiah diri remaja seperti terlibat dengan hubungan seks pranikah. Hal ini, disebabkan pornografi mampu memberi kesan negatif kepada kawalan diri dan otak sehingga terlibat zina dan terpengaruh dengan keseronokan palsu yang terdapat dalam video pornografi. Antara kaedah terbaik yang dilihat mampu menghindarkan remaja dari terlibat dengan ketagihan pornografi adalah dengan pendidikan dan penghayatan agama yang baik dalam diri. Hal ini, kerana tiada agama di dunia yang mengajar penganutnya melakukan perbuatan yang merosakkan diri.

### **Kesihatan Mental**

Kesihatan yang mental yang baik sangat penting dalam diri seseorang, ini kerana kesihatan mental yang baik membolehkan seseorang membuat keputusan relevan tanpa dipengaruhi oleh emosi (perasaan negatif). Hasil kajian yang pernah dijalankan mendapati pornografi mampu memberi kesan negatif kepada kesihatan mental manusia. Reisman (2008), dalam kajiannya menjelaskan pornografi memberi kesan buruk terhadap otak remaja yang menyebabkan mereka mudah mempercayai gambaran palsu (kenikmatan melakukan seks) berbanding realiti kehidupan yang sebenar yang mana perbuatan tersebut tidak hanya menjadi punca penyebaran penyakit tetapi turut memberi kesan terhadap kesihatan mental. Hal ini, kerana pornografi mampu menyebabkan gangguan terhadap emosi remaja seperti hilangnya rasa malu, merendah diri dan hilang pertimbangan (Norman & Nooraini, 2019). Berdasarkan kajian yang telah dijalankan mendapati kebanyakan remaja yang mengalami ketagihan pornografi mempunyai ciri yang hampir sama iaitu suka bersendirian. Kesan pornografi yang paling ketara boleh dilihat pada orang lelaki terutamanya, ini kerana pornografi mampu menyebabkan seseorang lelaki membayangkan bentuk tubuh perempuan tanpa pakaian ataupun membayangkan dirinya atau orang lain melakukan hubungan seks (Rahmania & Chris Haryanto, 2017). Perbuatan tersebut berlaku kerana ketagihan pornografi sememangnya mampu memberi implikasi buruk terdapat kesihatan mental seseorang lelaki sehingga hilangnya rasa hormat terdapat kesucian seorang wanita.

Menurut Siti Fatimah, ketagihan pornografi mendatangkan kesan negatif terhadap perkembangan otak manusia terdiri dari pelbagai peringkat umur seperti hilangnya rasa malu, merendah diri, kemurungan dan sebagainya (Berita Harian, 1 April 2018). Keadaan sedemikian terjadi kerana pornografi menyebabkan gangguan kepada otak kerana kebiasaan mereka yang mengalami ketagihan pornografi gemar menyendiri berbanding hidup bersosial dengan masyarakat sekeliling. Norulhuda, *et. al.* (2020), menjelaskan menonton pornografi merupakan salah satu kaedah yang sering digunakan oleh kebanyakan remaja menghilangkan rasa sunyi dan tekanan dihadapi. Hasil kajian tersebut juga mendapati, kebanyakan remaja yang mengalami ketagihan pornografi terdiri dari remaja yang tidak mempunyai rakan yang ramai serta tidak mempunyai kemahiran sosial yang baik. Malah, implikasi pornografi terhadap kesihatan mental manusia didapati lebih teruk berbanding kesan yang disebabkan oleh

pengambilan dadah. Berbeza dengan ketagihan pengambilan dadah, penagih boleh dirawat dengan pemberian ubat-ubatan atau menangkap mereka yang mengedar dadah dan sebagainya. Tidak seperti ketagihan dadah masalah ketagihan pornografi lebih sukar untuk dirawat kerana tidak mempunyai ubat yang khusus yang boleh diberikan serta bahan pornografi juga lebih mudah diperolehi berbanding dadah yang secara tidak langsung menyebabkan ketagihan pornografi sangat susah untuk dirawat. Selain itu, kesan ketagihan pornografi kepada otak juga didapati sama kesannya dengan pengambilan barang terlarang seperti pengambilan dadah dan alkohol (Reisman, 2008).

Selain itu, hasil kajian kesihatan juga mendapati pornografi turut menyebabkan kerosakan saraf pada bahagian otak manusia sehingga mampu melemahkan fungsi kawalan badan dan menjejaskan daya ingatan seseorang (Reisman, 2008). Hasil kajian yang pernah dijalankan mendapati pornografi mampu melemahkan daya ingatan seseorang pelajar sehingga sukar mengingati apa yang dipelajari di sekolah serta pornografi juga menyebabkan seseorang malas untuk melakukan ibadah yang secara tidak langsung menyebabkan sangat mudah melakukan perbuatan yang dilarang dalam agama dan undang-undang (Ahmad, *et al.*, 2016). Jelaslah, ketagihan pornografi merupakan perbuatan yang harus dipandang serius dan diatasi dengan bersungguh-sungguh kerana implikasi yang disebabkan pornografi tidak hanya memberi kesan kepada tingkah laku mereka yang terlibat tetapi pornografi turut memberi implikasi negatif terhadap kesihatan mental manusia yang sememangnya sukar untuk dirawat walaupun menggunakan ubat-ubatan moden.

### **ANALISIS JURANG KAJIAN**

Hasil kajian yang dibuat berdasarkan kajian-kajian lepas, penyelidik mendapati terdapat beberapa penambahbaikan yang boleh dibuat oleh penyelidik yang akan datang bagi meningkat atau perbanyakkan lagi kajian berkaitan ketagihan pornografi dalam kalangan remaja yang secara tidak langsung dapat dijadikan rujukan oleh badang kerajaan dan ahli-ahli akademik yang lain. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan yang ingin dikemukakan bagi tujuan penambahbaikan untuk penyelidik lain di masa akan datang. Antara cadangan yang ingin dikemukakan ialah penyelidik seterusnya diharap dapat melakukan kajian bagi melihat peranan yang mampu dimainkan dalam perundangan bagi mengatasi ketagihan pornografi dalam kalangan remaja pada hari ini. Hal ini, kerana selain dari pendidikan, undang-undang juga mampu memainkan peranan bagi mencegah atau menghalang sesuatu perkara yang menyalahi etika atau undang-undang dari dilakukan oleh masyarakat. Selain itu, undang-undang yang ketat juga mampu memberi atau menimbulkan perasaan takut dalam diri masyarakat dari melakukan perbuatan yang tidak baik. Sebagai contoh, jika dipelajari dari sejarah tamadun/kerajaan terdahulu, undang-undang ketat dan tegas yang diperkenalkan dalam kerajaan adalah bertujuan bagi mengawal tingkah laku masyarakat dan mewujudkan suasana aman dalam kerajaan bagi mengelakkan huru hara dari berlaku dalam negara. Oleh itu, diharap penyelidik seterusnya dapat melakukan kajian bagaimana undang-undang yang ada mampu memainkan peranan yang signifikan bagi mencegah ketagihan pornografi dalam kalangan remaja

Seterusnya diharap penyelidik seterusnya dapat melakukan kajian berkaitan ketagihan pornografi dalam kalangan remaja dari sudut demografi. Kajian dari sudut demografi penting bagi melihat peratusan ketagihan pornografi dalam kalangan remaja yang tinggal di bandar dengan remaja yang tinggal di kawasan luar bandar. Hal ini, kerana tidak semestinya remaja di kawasan bandar yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan akses lebih mudah dan ramai yang terjebak dengan ketagihan pornografi. Berbanding dengan remaja luar bandar, remaja

yang tinggal di kawasan bandar sebenarnya lebih sukar terpengaruh dengan pornografi di sebabkan mempunyai jadual yang lebih padat kerana kebanyakan ibu bapa di bandar gemar menghantar anak mereka ke kelas tambahan bagi mengisi masa anak-anak dengan perkara berfaedah seperti menghadiri kelas tambahan, kelas sukan dan seni (kelas renang, kelas seni bela diri, kelas muzik dan sebagainya).

### KESIMPULAN

Ketagihan pornografi dalam kalangan remaja pada hari ini banyak berkait rapat dengan kemajuan dan perkembangan corak hidup yang dikecapi oleh manusia pada masa kini. Keadaan ini, berlaku kerana perkembangan teknologi yang berlaku masa kini membolehkan setiap orang mampu untuk memperoleh bahan-bahan pornografi terutamanya dalam bentuk digital dengan mudah dan cepat. Pendedahan dan perkembangan pendidikan yang ada juga menyebabkan mengapa remaja pada hari ini dilihat lebih kehadapan berbanding ibu bapa dalam penggunaan teknologi sehingga ada diantara mereka yang tidak bertanggungjawab dengan sengaja mengakses pornografi di internet serta mampu melepasi sekatan siber yang ada bagi mendapatkan bahan pornografi. Hasil kajian yang telah dijalankan kesemuanya mendapati tiada sebarang kebaikan yang mampu diperoleh hasil dari tontonan pornografi. Ini kerana, pornografi tidak hanya memberi kesan kepada fizikal atau tingkah laku seseorang tetapi implikasi yang paling besar pornografi dapat dilihat dari segi perkembangan sahsiah diri remaja terutama dari segi perkembangan rohani remaja. Namun, jika perkembangan yang ada digunakan sebaik mungkin dengan menjadikan agama (Islam) sebagai pegangan yang utama mampu memudahkan kehidupan seharian manusia untuk pelbagai tujuan yang bermanfaat.

### RUJUKAN

- Albert, Bandura. 1977. *Social Learning Theory*. New York, NY: General Learning Press.
- Aprita, Yulia Lestari, Suherni & Yuni, Kusmiyati, K. 2015. Hubungan Intensitas Mengakses Situs Porno Dengan Perilaku Seksual Pranikah Remaja. *Jurnal Kesehatan Ibu dan Anak*, 7(1), 5-9.
- Che Hasniza Che Noh & Fatimah Yusoff. 2011. Corak Komunikasi Keluarga Dalam Kalangan Keluarga Melayu Di Terengganu. *Jurnal Hadhari*, 3(2), 45 - 62.
- David, Riesman. 2008. *Violance And Phornography As Atroctiles Of Despair*. Dalam, *MIM Moriality In Media Inc.* (Atas Talian). Muat Turun 13 Oktober 2019, dari <http://www.morialityinmedia.org/index.htm?pornsEffectArticle/clineart.htm>
- Fatin Hafizah Mohd Shahr. 2018. *Ketagihan Pornografi Rosakkan Otak*. Dalam, *Berita Harian Online*. 1 April 2018. (Atas Talian). Muat Turun 12 Oktober 2019, dari <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2018/04/406081/ketagihan-pornografi-rosakkan-otak>
- Mahsiani Mina Laili, Harien Puspitawati & Lilik Yuliaty. 2018. Is Parental Communication or Internet Use That Makes Pornography in Teenagers?. *Journal of Child Development Studies*, 3(1), 59-69.
- Marie-Pier, Vaillancourt-Morel & Sophie, Bergeron. 2018. Self- Perceived Problematic Pornography Use: Beyond Individual Differences and Religiosity. *Journal of Springer Nature*, 48(2), 437-441.
- Megan, K. Mass & Shannarman, Dewey. 2018. Internet Pornography Use Among Collagiate Women: Gender Attitudes, Body Monitoring, and Sexual Behavior. *Sage Journals*, 8(1), 1 -9.

- Mirna Agustina, Iftitahul Aini, Lutfia Zaina, & Saiful Anwar. 2019. Pembentukan Pertahanan Diri Anak Dalam Penggunaan Gadget: Strategi Ibu Di Era Digital Untuk Membentuk Anak Yang Handal. *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 5(2), 66-72.
- Mohd. Zaliridzal Zakaria & Dini Farhana Baharuddin. 2011. Ketagihan Seks Siber: Pengalaman Kaunselor Di Malaysia. Kertas kerja PERKAMA International Convention 2011, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan.
- Muhammad Amirul Ashraaf Norman & Nooraini Othman. 2019. Pengaruh Dan Implikasi Tingkah Laku Pornografi Terhadap Kesan Psikologi Dalam Kalangan Remaja Di Malaysia, *Persidangan Kaunseling Profesional*, Hospital Rehabilitas Cheras.
- Naquiah Nahar, Sharunizam Sangi, Baniear Salvam D, Nurhidayu Rosli & Abdul Hafiz Abdullah. 2017. Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 5(1), 87-99.
- Natasha Joibi. 2018. *5000 Bayi Lahir Dari Remaja Bawah 18 Tahun*. Dalam, *Mstar Online*. 23 Julai 2018. (Atas Talian). Muat turun 12 Oktober 2019, dari <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2018/07/23/lahir-bawah-umur>
- Norramazonizni & Hanina. 2016. *Kajian Permasalahan Tingkah Laku Seksual Dalam Kalangan Belia Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Norulhuda Sarnon @ Kusenin, Nur Hamizah Mohd Sharif, Daniella Maryam Mohd Mokhtar, Siti Marziah Zakaria & Ezarina Zakaria 2020. "Tahu Salah Tapi Mahu": Cabaran Remaja Perempuan Berhenti Menonton Pornografi. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(2), 227-239.
- Roslee Ahmad, Mohamed Sharif Mustafa, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Amad Jasin Jusoh & Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip. 2008. Punca, Kesan Dan Langkah Untuk Menangani Tingkah Laku Seksual Pelajar Mengikut Pendekatan Kaunseling Islam. *Konvensyen Pendidikan Nasional*.
- Salmah Omar & Malisah Latip. 2016. *Pengaruh Peranti Teknologi Kepada Perkembangan Sosial Dan Permasalahan Kesihatan Kanak-Kanak*. Universiti Putra Malaysia: Fakulti Sains Pertanian dan Makanan.
- Salamatussaadah Abd. Ghadur & N.B. Abdul Kadir. 2009. Hubungan Romantik dan Remaja Hamil Luar Nikah Di Pusat Pemulihan. *Journal Social of Sciences and Humanities*, 4(1), 106-113.
- Siti Marziah Zakaria & Nur Afifah Zulkifli. 2017. Pengalaman Remaja Di Rumah Perlindungan dan Perubahan Dalam Makna Hidup. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 14(5), 1823-884.
- Siti Nor Afzan Kasiman. 2014. *Candu Video Lucuh*. Dalam, *Harian Kosmo Online*. 6 Febuari 2014. (Atas Talian). Muat Turun 12 Oktober 2019, dari [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00003818\\_65438.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00003818_65438.pdf)
- Sohana Abdul Hamid. 2016. Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. *Journal Social of Sciences and Humanities*, 13(4), 214-226.
- Tia'Rahmania & Handrix'Chris'Haryanto. 2017. Persepsi Pornografi Pada Anak (Studi Pendahuluan Pada Siswa Kelas 5 Sekolah Dasar Islam "X"). *Jurnal Ilmiah Psikologi*, 8(1), 55-74.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. 2005. Globalisasi, Internasionalisasi, Dan Nasionalisme Dalam Mempertahankan Identiti Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 174-186.
- Wan Fadhilah Wan Ismail. 2012. *Pornografi*. Dalam, *Kementerian Kesihatan Malaysia*. 27 April. (Atas talian). Muat turun 13 Oktober 2019, dari <http://www.myhealth.gov.my/pornografi/>.
- Zakri Abdullah & Saemah Rahman. 2015. Kemahiran Meta-Tingkah Laku dan Kemahiran Membuat Keputusan Pelajar Bermasalah Disiplin dan Tidak Bermasalah Disiplin. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(2), 175-183.

**Biodata Penulis:**

**Muhammad Amirul Ashraaf bin Norman**, adalah pelajar sarjana di Fakulti Razak, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur.

**Nooraini Othman**, adalah pensyarah di Fakulti Razak, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur.